

MARA dan anak syarikat tandatangani 7 MoU aeroangkasa

SEBANYAK tujuh memorandum persefahaman (MoU) melibatkan Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan anak syarikatnya ditandatangani pada Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (LIMA) 2015 baru-baru ini.

Timbalan Ketua Pengarah (Keusahawanan) MARA, Salmah Hayati Ghazali menyifatkan MoU tersebut sebagai bukti komitmen MARA untuk mempertingkatkan penyertaannya dalam industri aeroangkasa negara.

"Ini juga merupakan pengiktirafan pihak berkenaan terhadap penglibatan MARA dalam industri tersebut," katanya ketika ditemui selepas menyaksikan majlis menandatangani MoU itu.

Menurut beliau, MoU dengan pemain-pemain utama akan membuka lebih banyak peluang kepada negara untuk terlibat dalam industri aeroangkasa global.

Majlis itu turut disaksikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed.

Dalam majlis tersebut, MARA telah dilantik menjadi salah satu peneraju atau *lead member* kepada Pusat Inovasi Aeroangkasa Malaysia (AMIC).

AMIC yang diperbadankan sebagai sebuah syarikat berhad dengan jaminan pada 16 Mei 2011 telah

dibangunkan dan diberi keutamaan oleh Kumpulan Industri-Kerajaan Malaysia bagi Teknologi Tinggi (MIGHT) bagi mempertingkatkan kejayaan industri aeroangkasa tempatan melalui projek-projek pembangunan yang diterajui oleh pihak industri.

Dengan MoU tersebut, MARA akan bersama-sama dengan Airbus Group, Rolls Royce, MIGHT, CTRM dan Universiti Putra Malaysia (UPM) untuk menentukan hala tuju, serta meningkatkan sokongan dan kerjasama dengan AMIC dalam bidang penyelidikan dan teknologi baharu aeroangkasa.

Kerjasama lain yang melibatkan antara syarikat milik MARA adalah, M-AeroTech dengan Skyvax dan Pusat Latihan Penerbangan Czech (CATC) yang bersetuju untuk menumpukan operasi mereka dalam bidang latihan di Asia Aerospace City (AAC); syarikat pertahanan Afrika Selatan; Denel SOC dengan Strand Aerospace Malaysia; sebuah syarikat bersekutu MARA bagi pembangunan modal insan dalam bidang analisis struktur berteknologi tinggi; serta MoU antara UniKL Resources Sdn. Bhd. dengan OTM Solution Sdn. Bhd. sebagai usahasama dalam pembangunan modal insan, latihan, penyelidikan & pembangunan Novel Marine & Produk Kejuruteraan Naval.

Turut menandatangani MoU ialah Dassault System dan Feiran Technology Sdn. Bhd. dengan

Strand Aerospace Malaysia bagi membangunkan aplikasi pembangunan seni bina, kejuruteraan dan pembinaan di Malaysia; Warwick Manufacturing Group (WGM) dan M-AeroTech yang akan meneroka usaha sama penyelidikan dalam bidang pengindustrian rantaian bekalan industri aeroangkasa.

Dalam pada itu, pelancaran sebuah syarikat baharu milik penuh MARA yang dinamakan Asia Aero Technics Sdn Bhd juga dilaksanakan. Ia akan beroperasi sepenuhnya pada suku ketiga tahun ini bagi memperluas peranan Malaysia Institute of Aviation Technology (MIAT) dalam menyediakan peluang latihan untuk perkhidmatan penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO) pesawat yang lebih lengkap.

Peluang latihan dan perkhidmatan penyelenggaraan pesawat yang akan wujud itu merangkumi juga penyelenggaraan pesawat berat untuk model seperti ATR42/72, B737NG, siri A320, A330, B777 dan helikopter.

Turut hadir sama di dalam majlis tersebut adalah Ketua Pengarah MARA, Datuk Ibrahim Ahmad; Ketua Pegawai Operasi M-AeroTech, Zulfikri Osman; Pengarah Urusan Feiran Technology, Shabudin Md. Saman; Pengarah Urusan AP South Dassault System, Samson Khaou dan Ketua Pegawai Operasi Asia Aero Technics, Mohd Roslan Ismail.



UNIKL merupakan salah sebuah institusi pendidikan tempatan yang berjaya melahirkan pakar dalam bidang perkhidmatan kejuruteraan aeroangkasa.

info

BANDAR AEROANGKASA ASIA

- Bandar Aeroangkasa Asia (AAC) merupakan hab aeroangkasa di Asia Tenggara yang menyediakan ekosistem perniagaan yang lengkap dengan matlamat merapatkan jurang antara kecekapan teknikal dengan kemudahan kejuruteraan yang diperlukan oleh penggiat industri itu.
- Dengan sokongan penuh kerajaan, ia menawarkan keperluan perniagaan aeroangkasa lengkap melalui jaminan perkhidmatan kejuruteraan berkualiti tinggi, modal insan berkemahiran, infrastruktur ikonik dan perkhidmatan rundingan perniagaan di samping sokongan kerajaan menerusi penyediaan insentif cukai, sokongan kewangan dan pentadbiran dengan penekanan terhadap polisi hak cipta.
- Dengan kewujudan sebuah pusat penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO) pesawat terkemuka di rantau ini, AAC adalah hab yang menghubungkan kesemua syarikat, keupayaan dan aset relevan dalam industri aeroangkasa.
- AAC mendapat sokongan MARA, sebuah agensi kerajaan yang penting bagi pembangunan modal insan dan keusahawanan melalui subsidiarinya, M-Aerotech dan Pelaburan MARA Berhad (PMB).
- M-Aerotech menyelia penajaan perolehan AAC menerusi enam unit perniagaan strategik iaitu perkhidmatan kejuruteraan, pusat pembangunan profesional, penyelidikan dan teknologi, pusat rundingan perniagaan, pelaburan dan infrastruktur. PMB pula berperanan sebagai peneraju utama dalam memenuhi keperluan infrastruktur AAC.



PENGLIBATAN MARA dalam industri aeroangkasa dilihat antara langkah penting melahirkan tenaga mahir berketerampilan.